

NO. SOALAN: 393

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

**TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN menyatakan pecahan aduan yang diterima terhadap
pelaksanaan GST daripada 1 April 2015 sehingga 30 April 2015.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah menyediakan beberapa medium penyaluran aduan yang boleh digunakan oleh pengguna bagi mengemukakan aduan berkaitan pelaksanaan GST. Orang ramai boleh menyalurkan sebarang aduan berkaitan isu kepenggunaan melalui kaedah berikut :

- i) Talian Hotline KPDNKK : 1 800 886 800;
- ii) Sistem e-Aduan : <http://e-aduan.kpdnkk.gov.my>;
- iii) Emel di alamat e-aduan@kpdnkk.gov.my;
- iv) Hadir sendiri ke KPDNKK atau semua Pejabat Negeri dan Cawangan di seluruh negara;
- v) Aplikasi Ez-ADU yang boleh dimuat turun melalui telefon pintar (*smartphone*);
- vi) MyKira GST; dan
- vii) Media sosial iaitu *Twitter* dan *Facebook*.

Sehingga **31 Mei 2015**, sebanyak **21,591 aduan/pertanyaan** telah disalurkan ke Pusat Gerakan Antipencatutan (PGAP) Kementerian melalui saluran-saluran berikut:

- i) e-Aduan – **6,404**;
- ii) Media sosial – **8,383**; dan
- iii) Jumlah panggilan yang disalurkan ke PGAP - **6,804**.

Selain tindakan susulan di pihak Kementerian, terdapat sebanyak **2,177 aduan** merangkumi **1,421 aduan** mengenai GST kad tambah nilai telefon dan **756 aduan** mengenai ID GST telah disalurkan ke Kementerian Kewangan untuk tindakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan, 2014;